

**SULIT**  
**3755/2**  
**PERDAGANGAN**  
**KERTAS 2**  
**NOVEMBER**  
**2001**  
**2 JAM**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA**  
**SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**  
**CAWANGAN TERENGGANU**  
**DENGAN KERJASAMA**  
**JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2001**

**TINGKATAN EMPAT**

---

---

**PERDAGANGAN**

**KERTAS 2**

**Dua jam**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi enam soalan.*
2. *Jawab mana-mana empat soalan.*

---

**Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak**

**SULIT**

1. a. Terangkan maksud pengeluaran ? ( 7 markah)
- b. Ada beberapa faktor yang menyebabkan wujudnya pelbagai jenis pengkhususan dalam proses pengeluaran . Huraikan faktor-faktor tersebut. ( 8 markah)
- c. Perniagaan adalah sebahagian daripada aktiviti perdagangan. Terangkan. ( 10 markah)
2. a. Jelaskan perbezaan antara perniagaan borong dengan perniagaan runcit. (10 markah)
- b. Bagaimanakah peruncit besar-besaran menjalankan peranan yang biasa dilakukan oleh pemborong ? (10 markah)
- c. Tulis nota ringkas mengenai jober para. ( 5 markah )
3. a. Invois adalah salah satu dokumen perniagaan yang paling penting.
- i. Apakah invois ? Nyatakan butir-butir yang terdapat dalam invois.
- ii. Terangkan bagaimana kesilapan-kesilapan dalam invois dapat dibetulkan. ( 13 markah)
- b. Berhubung dengan perniagaan antarabangsa, terangkan perbezaan setiap berikut:
- i. eksport nyata dan eksport tak nyata (4 markah)
- ii. inden terbuka dan inden tertutup ( 4 markah )
- iii. carter masa dan carter pelayaran ( 4 markah )
4. a. Campuran pemasaran melibatkan empat unsur iaitu keluaran, harga, agihan dan promosi. Terangkan setiap unsur tersebut. ( 12 markah )
- b. Jelaskan mengenai insurans tanggungan awam. ( 5 markah)
- c. Nyatakan perbezaan antara Risiko yang boleh diinsuranskan dengan Risiko yang tidak boleh diinsuranskan. ( 8 markah )

5. a. Nyatakan dan terangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memilih sesuatu media pengiklanan. (15 markah)
- b. Mengapakah terdapat begitu banyak bilangan perniagaan milikan tunggal di negara kita? (10 markah)
6. Baca kes di bawah dengan teliti.

Cik Salina telah mengikuti kursus rekaan fesyen dan fabrik di salah sebuah kolej di luar negeri. Sekembalinya ke Malaysia, dia membuka sebuah butik yang diberi nama "SAS".

Dia merekacipta pelbagai jenis fesyen pakaian yang menarik minat pelanggannya. Selain itu dia juga menjual pelbagai jenis pakaian wanita yang diimport dari Eropah dan Amerika Syarikat. Perniagaannya sangat maju dan kebanyakkan pelanggannya terdiri daripada orang kenamaan dan warga asing. Hasil jualanannya dimasukkan ke dalam akaun semasanya di Bank Bumiputra Commerce Berhad.

Kadangkala, jika banyak tempahan diterima daripada pelanggannya, Cik Salina akan mengalami kekurangan modal untuk membeli kain bermutu tinggi. Justeru itu dia hanya menerima tempahan daripada pelanggan tetapnya sahaja pada bila-bila masa. Oleh itu lama kelamaan pelanggan sekali-sekalanya terus tidak mengunjungi butiknya lagi. Cik Salina sedar akan keadaan ini tetapi dia tidak tahu apa yang perlu dilakukan kerana tidak mempunyai apa-apa sandaran yang bernilai untuk membuat pinjaman bank.

Berdasarkan kes di atas jawab soalan berikut :

- a. Sebagai seorang pemegang akaun semasa, nyatakan bagaimana Cik Salina dapat mengatasi masalah kekurangan modal sekali sekala itu ? (6 markah)
- b. Terangkan kebaikan akaun semasa kepada peniaga (10 markah)
- c. Sekiranya Cik Salina ingin membuat pinjaman, apakah faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pihak bank bagi meluluskan pinjaman beliau. (9 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

